



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



Peserta pameran bergambar kenangan dengan Prof D'zul Haimi.



Prof D'zul Haimi (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai hasil karya mahasiswa pada pameran 'Tradical'.

Pameran 'Tradical' gabung prinsip tradisi, radikal

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 40 hasil reka cipta 20 mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Reka Perindustrian, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, diketengahkan pada pameran 'Tradical' di sini, baru-baru ini.

Pameran itu membandingkan masing-masing 20 rekaan kenderaan dan produk dengan tema yang menampilkan gabungan prinsip 'tradisi' dalam reka bentuk tetapi pada masa sama menjurus ke arah inovasi lebih bersifat 'radikal'.

Dekan FSSR, Prof Dr D'zul Haimi Md Zain, berkata semua hasil reka cipta itu sudah melalui pelbagai proses akademik, termasuk penyelidikan dan produksi membabitkan aspek inovasi, kreativiti serta artistik.

"Selain memberi inspirasi dan membuka dimensi baharu, pameran ini juga bertujuan membolehkan pihak industri melihat karya dihasilkan, manakala

mahasiswa dapat meninjau potensi kerjaya serta keusahawanan pada masa depan.

Beri keselesaan

"Bagi menyuntik anjakan kepada karya, saya menyarankan supaya reka cipta dihasilkan pada masa depan bukan saja melingkari bidang seni lukis dan seni reka tetapi turut melangkaui sempadan dengan menjalin kolaborasi bersama bidang lain seperti sains, kejuruteraan, perubatan, agrosains, pengkomputeran dan perhotelan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pameran itu.

Antara rekaan dipamerkan ialah kenderaan *all-terrain vehicle* (ATV), skuter, kereta untuk orang kelainan upaya (OKU), kenderaan untuk pertanian dan kenderaan komersial.

Sementara itu seorang mahasiswa terbabit, Muhammad Ridzuan Zulkiflee, menghasilkan rekaan dikenali dengan nama 'sport touring scooter' yang dapat memberi keselesaan ketika menunggang melalui lebuhraya atau kawasan bandar di Malaysia.

"Apabila membabitkan jarak jauh, penunggang

mudah berasa penat dan lesu kerana keadaan motosikal tidak bersesuaian dengan postur badan mereka. Oleh itu, saya menghasilkan skuter ini yang mengambil kira postur badan supaya mereka lebih selesa ketika menunggang.

"Skuter ini turut menyediakan ruang penyimpanan bagi memudahkan mereka menyimpan barang keperluan apabila berjalan jauh. Saiz skuter ini yang tidak terlalu besar juga memudahkan penunggang bergerak, terutama ketika berlaku kesesakan lalu lintas," katanya.

info

Pameran 'Tradical'

→ Menampilkan gabungan prinsip 'tradisi' dalam reka bentuk tetapi pada masa sama menjurus ke arah inovasi lebih bersifat 'radikal'.

→ Mengetengahkan masing-masing 20 rekaan kenderaan dan produk oleh 40 mahasiswa tahun akhir.

→ Pengisian program meliputi seminar dan forum.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

**Rekaan
kenderaan
untuk
pertanian turut
diketengahkan.**



**Kenderaan
ATV
dihasilkan
oleh Mohd
Ammar Mohd
Narris.**



**Kereta untuk OKU
hasil ciptaan Mohamad
Nurfadzly Ramly.**



Antara rekaan kenderaan yang dipamerkan.



**Skuter ciptaan Muhammad
Ridzuan menitikberatkan
keselesaan penunggang.**

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

